



Kenyataan Media AKSB – Untuk Siaran Segera - 04 Ogos 2024

PENGOPERASIAN LOJI RAWATAN AIR (LRA) MERBAU CHONDONG, MACHANG DIHENTI TUGAS AKIBAT PAIP GRP (*GLASS REINFORCED PIPE*) BERSAIZ DIAMETER 1100 MM TELAH PECAH DI MERBAU CHONDONG, DAN MELIBATKAN HAMPIR 33,094 AKAUN PENGGUNA

AKSB memaklumkan LRA Merbau Chondong, Machang terpaksa dihenti tugas kesan daripada kerja-kerja pembaikan paip air mentah yang bergaris pusat 1,100 mm telah pecah, dan melibatkan hampir 33,094 akaun pengguna di 4 (empat) jajahan.

Kesan henti tugas operasi LRA tersebut telah menyebabkan berlakunya pengurangan dan kehilangan bekalan air terawat hampir 70 % di LRA Merbau Chondong atau sebanyak 47 Juta Liter Sehari (JLH). Kerja-kerja penggalian / pembaikan telah pun dimulakan pada hari ini, 4 Ogos 2024, dan ianya dijangka siap pada 9 Ogos 2024.

Jajahan yang terlibat adalah :

- | | |
|--|--|
| 1) Machang - 17,076 akaun pengguna | 2) Pasir Puteh - 9,539 akaun pengguna |
| 3) Kota Bharu Selatan - 5,979 akaun pengguna | 4) Kota Bharu Timur - 500 akaun pengguna |

AKSB telah pun menggerakkan aset-aset Lori Tangki sebanyak 5 (lima) buah serta 6 (enam) buah Lori Air Kontrak untuk membantu pengguna terjejas. Dalam masa yang sama, operator air negeri-negeri lain juga telah memberikan komitmen untuk sama-sama menghulurkan bantuan penghantaran Lori Tangki ke kawasan terjejas dalam masa terdekat. Bantuan Lori Tangki akan tiba daripada Ranhill SAJ, Johor (2 buah), Air Selangor (4 buah), Syarikat Air Terengganu (2 buah), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (1 buah) dan Pengurusan Air Pahang (2 buah) serta sebuah lori air milik PBSM yang turut membantu.

Dalam pada itu, tangki-tangki statik bersaiz 500 – 1500 gelen juga ditempatkan di kawasan-kawasan tumpuan bagi meringankan beban pengguna yang terkesan.

AKSB melalui PINTAS juga telah membuat pemakluman awal kepada pengguna melalui sistem Infoblast dan ianya akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Pihak AKSB memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi pengguna sepanjang tempoh pembaikan ini, dan AKSB akan memaklumkan perkembangan lanjut situasi ini dari semasa ke semasa menerusi saluran komunikasi kami seperti laman sesawang www.airkelantan.com.my, aplikasi MyAKSB, Facebook, Instagram atau boleh hubungi PINTAS di talian 15777 jika pengguna mempunyai sebarang pertanyaan dan aduan.

-TAMAT -

**JABATAN KORPORAT
AIR KELANTAN SDN BHD**